

22/07/2002

3R terus tumpu isu semasa remaja

Zul Husni Abdul Hamid

PELBAGAI agenda diatur sempena pelancaran musim kelima program 3R (Respek, Relaks dan Respon) sebagai menghargai sokongan peminat sejak mula menemui penonton dua tahun lalu.

Program musim baru yang dikendalikan oleh Azah Yasmin Yusof, Rafidah Abdullah dan Low Ngai Yuen itu akan kembali menemui penonton pada 4 Ogos depan di TV3 dan 9 Ogos di Astro Ria.

3R yang pernah dicalonkan sebagai Program Infotainment Terbaik di 2001 Asian Television Awards, pada musim baru ini akan memberi penekanan kepada persoalan dan permasalahan terkini dan kontroversi yang dialami remaja wanita.

Ia termasuk masalah keghairahan merampingkan badan, sumbang mahram, ketidakadilan undang-undang serta wanita di Kelantan.

Program interaktif yang mensasarkan penonton wanita berusia 16 hingga 26 tahun itu, hingga kini mencatat sehingga 570,000 jumlah penonton siaran setiap episod.

Penerbit Eksekutif 3R, Datuk Paduka Marina Mahathir, berkata program itu bukan sekadar memaparkan isu semasa, sebaliknya turut memberi peluang kepada remaja meluahkan rasa hati mereka (respon).

Menurutnya, pada musim lalu, mereka menerima lebih 150 e-mel setiap kali 3R selesai bersiaran. Katanya, berdasarkan maklum balas yang diterima itu, mereka kini giat menyusun agenda baru dengan sokongan kuat pelbagai pihak penaja.

"Pendekatan yang digunakan 3R ini secara tidak langsung mendekatkan kami dengan penonton setia. Malah, untuk memberikan lebih kesan, musim terbaru ini akan menyaksikan krew 3R menjelajah ke lima destinasi di seluruh negara bagi memperkenalkan program ini.

"Secara tidak langsung, program itu juga membantu kami meningkatkan kualiti penerbitan selain mendapat topik atau isu yang penonton ingin kami ketengahkan," katanya pada sidang media di Bangsar, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sehubungan itu, katanya, program jelajah seluruh negara itu turut memberi kesempatan kepada 3R memperkenalkan video cara mempertahankan diri yang memanfaatkan golongan wanita.

Video selama 30 minit yang diilhamkan hasil kajian sekumpulan wanita di England serta kaunselor terlatih negara itu bertujuan meningkatkan keyakinan di kalangan wanita apabila berhadapan dengan sesuatu keganasan.

Video yang diterbitkan dalam bentuk VHS dan cakera padat video (VCD) dijual kepada umum pada harga RM10.

Dalam pada itu, program jelajah yang akan diadakan di Pulau Pinang, Johor Bahru, Kota Bharu, Kuching dan Kota Kinabalu juga bertujuan mencungkil bakat baru bagi menggantikan seorang pengacaranya yang bakal meninggalkan rancangan itu.

Peluang itu terbuka kepada wanita berusia 18 tahun ke atas. Katanya, uji bakat itu bertujuan menggalakkan wanita pada alaf ini supaya lebih yakin meluahkan fikiran mereka serta berani mencuba sesuatu yang baru.